

Pemantapan Kemahiran Guru di dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR):

Asas Pembuatan Video

NOR AZLINA AZIZ FADZILLAH, ROZIANIWATI YUSOF &
NORHAFIZAH HASHIM

Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Kampus Seremban


Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah memberikan satu dimensi baru dalam dunia pendidikan. Pelbagai kaedah diadaptasi dan digunakan bagi penyesuaian dalam penyampaian pengajaran secara dalam talian. Pemilihan peranti dan perisian aplikasi yang tepat bagi setiap peringkat pengajaran dan pembelajaran adalah sangat penting bagi memastikan penyampaian berkesan terhadap pelajar. Cabaran ini perlu dihadapi oleh kebanyakan guru-guru terutama bagi mereka yang tidak mempunyai pendidikan asas terhadap penggunaan peranti dan perisian aplikasi komputer. Oleh itu, pihak Jabatan Sains Komputer (JSK), UiTM Kampus Seremban telah mengambil inisiatif dengan mendekati golongan pendidik untuk berkongsi berkenaan perisian aplikasi yang bersesuaian bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Projek khidmat masyarakat ini dicetuskan setelah mendengar keluhan-kesah para guru dalam menghadapi PdPR. Dengan adanya projek sedemikian, ianya dapat membantu memantapkan kemahiran guru-guru dan sekaligus membantu para pelajar menghadapi PdPR.

Projek ini telah dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Seliau, Rantau Negeri Sembilan pada 26 Mac 2021 dengan kerjasama dari pihak sekolah dan Jabatan Sains Komputer, UiTM Kampus Seremban. Penerimaan dan maklumbalas yang baik daripada semua guru-guru mendorong pihak JSK untuk meneruskan usaha dengan menerbitkan modul bagi membantu guru-guru dalam memahami penggunaan perisian aplikasi yang bersesuaian dengan mata pelajaran yang diajar.

Di awal pertemuan dengan guru-guru sekolah, mereka memaklumkan kekangan dari segi kemahiran dalam menggunakan aplikasi dan perisian-perisian yang terkini bagi tujuan pengajaran secara atas talian. Oleh itu kaedah pengajaran pada awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah amat terhad, di mana mereka amat bimbang akan pemahaman dan penerimaan murid-murid. Kekangan bagi pihak pelajar juga harus dipertimbangkan kerana pelajar-pelajar sekolah rendah-

tidak mahir dengan aplikasi-aplikasi yang terkini. Selain itu, terdapat juga masalah dari segi peralatan teknologi seperti kemudahan komputer dan sambungan Internet. Justeru itu, perbincangan di antara guru besar sekolah, Cikgu Azman Ambia dan ketua projek, Puan Suzana Baharudin telah diadakan bagi menentukan keperluan perisian di kalangan guru-guru. Hasil perbincangan tersebut, beberapa perisian aplikasi yang perlu telah dikenalpasti bagi tujuan PdPR dan modul akan dihasilkan berdasarkan keperluan tersebut bagi memberi panduan kepada guru-guru.

Salah satu perisian aplikasi yang amat penting untuk para guru di dalam PdPR adalah perisian menghasilkan video. Ini kerana video dapat menggantikan proses penyampaian secara fizikal dengan tepat. Video juga merupakan satu kaedah pengajaran yang dilihat sangat efektif dalam menyampaikan maklumat kepada pelajar. Kelebihan ini turut disenaraikan di dalam laman web CrowdWisdom. Pembelajaran berasaskan video menjadikan kaedah PdPR lebih menarik dan mendorong kepada penglibatan pelajar sepanjang proses PdPR berlangsung. Ia dapat mengurangkan bebanan kepada pelajar kerana mereka bebas memilih masa dan tempat untuk mengikuti serta mengulangkaji mata pelajaran. Kandungan video juga boleh diulang-ulang bagi membolehkan pelajar memahami dengan lebih jelas. Kaedah video juga didapati menjadikan proses PdPR lebih santai dan mesra pelajar, sekaligus menjadikan pelajar lebih berdikari seperti yang dijelaskan oleh J.Catindig (2020) dalam penyelidikan beliau. Mereka boleh belajar secara individu atau berkumpulan tanpa pengawasan daripada guru. Penggunaan video juga dapat menjimatkan kos dan masa kerana video tersebut dapat digunakan berulang kali oleh guru bagi tujuan pengajaran. Oleh itu, pemilihan kaedah pengajaran melalui video ini boleh digunapakai sebagai satu alternatif yang mudah dan berkesan dalam membantu guru-guru melaksanakan PdPR dalam situasi pandemik ini. Kandungan video yang menggabungkan elemen-elemen multimedia seperti teks, imej, audio, klip video dan animasi membolehkan maklumat disampaikan dengan lebih realistik. Ini dapat mewujudkan suasana seolah-olah pelajar-pelajar berada di dalam bilik darjah yang sebenar.



ScreenCast-O-Matic merupakan satu perisian aplikasi yang dipilih bagi membimbing guru-guru menghasilkan video dengan cara yang mudah. Perisian ini sangat mudah untuk dipelajari dan digunakan oleh pengguna novis. Ia boleh dimuat turun secara percuma melalui capaian URL di <https://screencast-o-matic.com>. Pengguna juga boleh memilih untuk menggunakan perisian ini secara dalam talian dengan capaian URL di <https://screencast-o-matic.com/login>. Perisian aplikasi ini mempunyai tiga mod rakaman video iaitu rakaman pada skrin komputer, rakaman aksi pengguna melalui kamera pada komputer atau rakaman daripada kedua-dua mod. Rakaman skrin komputer membolehkan para guru merekod pengajaran menggunakan sebarang aplikasi bantuan mengajar seperti Ms Office atau sebarang perisian yang sesuai untuk tujuan penyampaian pengajaran. Manakala rakaman audio hanya dibenarkan melalui mikrofon komputer bagi pengguna yang mendaftar akaun secara percuma. Penyuntingan video juga ditawarkan namun untuk akaun percuma hanya dibenarkan selama 30 hari sahaja dari tempoh pendaftaran. Video rakaman yang dihasilkan boleh dimuat turun ke komputer pengguna atau disimpan di dalam cloud storage seperti Google Drive atau pun diterbitkan di saluran Youtube. Dengan ini memudahkan lagi para guru untuk memilih platform yang sesuai untuk dikongsikan dengan para pelajar.


Berikut adalah contoh penggunaan perisian aplikasi ini menggunakan kaedah merakam skrin komputer. Penerangan ini menggambarkan bagaimana mudahnya proses rakaman dibuat dengan perisian aplikasi ini. Terdapat tiga tetapan utama bagi proses rakaman video:

Pengguna perlu memilih **Screen** pada **Launch Recorder** bagi menghasilkan video rakaman skrin berserta dengan penceritaan. Tempoh maksimum rakaman yang dibenarkan bagi setiap video adalah selama 15 minit (Rajah 1.0).



Rajah 1.0: Paparan Launch Recorder

Pada tetapan **Narration**, pengguna perlu menentukan peranti mikrofon yang digunakan untuk penceritaan dalam video. Penceritaan adalah proses penyampaian terhadap skrin rakaman. Sebagai contoh, guru memilih untuk menghasilkan video untuk mengajar perisian MS Excel kepada pelajar seperti Rajah 2.0. Guru akan melakukan demonstrasi penggunaan perisian sambil melakukan penceritaan. Perisian aplikasi Screencast-O-Matic ini akan merakam skrin komputer beserta imej guru serta merekod suara guru tersebut.



Rajah 2.0: Proses Merakam Pengajaran Perisian MS Excel

Tetapan Computer Audio merupakan pilihan audio yang akan digunakan dalam video samada penceritaan melalui peranti mikrofon atau audio yang dimainkan daripada komputer. Oleh itu guru akan memilih tetapan yang bersesuaian dengan video yang akan dihasilkan.

Bagi menerangkan lebih terperinci dalam menghasilkan video pengajaran, pihak JSK akan menerbitkan modul perisian aplikasi Screencast-O-Matic beserta beberapa aplikasi lain yang dapat membantu proses PdPR. Modul ini akan dijadikan sebagai sumber rujukan kepada guru-guru bagi membantu memahami penggunaan aplikasi perisian ini. Diharapkan dengan program perkongsian ini dapat mengukuhkan lagi kemahiran guru-guru di dalam penghasilan video bagi pelaksanaan PdPR.

References

- Web site Screen Cast O Matic, URL : <https://screencast-o-matic.com>
- 5 benefits of video based-learning. (n.d.). CrowdWisdom. <https://www.crowdwisdomlms.com/blog/5-benefits-of-video-based-learning/>
- Catindig, J., Prudente, M. S., & Orillo, M. J. (2020). Integrating physics in disaster risk reduction (DRR) through YouTube videos. *Proceedings of the 2020 11th International Conference on E-Education, E-Business, E-Management, and E-Learning IC4E 2020*. 244–248. DOI:<https://doi.org/10.1145/3377571.3377629>